

Adakah dia boleh membunuhnya?" Maka kedua-dua suami isteri itu berli'aan (saling mengucapkan kata-kata li'aan) di dalam masjid dalam keadaan aku menyaksikan (peristiwa itu).⁵⁷⁵

بَابُ إِذَا دَخَلَ بَيْتًا يُصَلِّي حَيْثُ شَاءَ أَوْ حَيْثُ أَمَرُوا لَا يَجَسَّسُ

18- Bab: Apabila Seseorang Masuk Ke Dalam Rumah (Seseorang Yang Mengundangnya Untuk Bersembahyang), Adakah Dia Boleh Bersembahyang Di Mana Dia (Sendiri) Suka Atau Di Mana Dia Diminta (Oleh Tuan Rumah / Pengundang Untuk) Bersembahyang. Dia Tidak Boleh Memandai-Mandai (Memilih Tempat Untuk Bersembahyang).⁵⁷⁶

⁵⁷⁵ Bukhari mengemukakan hadits Sahl bin Sa'ad secara ringkas sahaja di sini. Tetapi di dalam Kitab at-Thalaaq nanti beliau akan mengemukakannya dengan lengkap melalui beberapa saluran riwayat. Beliau akan membawa hadits ini dengan lengkap di sana untuk membuktikan beberapa masalah. Banyaklah hukum dan panduan yang disimpulkan oleh Bukhari daripada hadits Sahl yang lebih terperinci itu. Antaranya ialah adakah li'aan merupakan sumpah yang diperkuat dengan kesaksian atau ia merupakan kesaksian yang diperkuatkan dengan sumpah? Kesimpulan dan inti pati hadits Sahl itu ialah ada seorang sahabat bernama 'Uwaimir tampil ke hadapan Rasulullah s.a.w. lalu bertanya Baginda, katanya: "Bagaimana kalau seseorang mendapati isterinya sedang bersama seseorang lelaki yang lain (sedang bermukah dengannya)? Kalau dia membunuhnya, apakah kamu akan membunuhnya pula (sebagai qisas). Kalau dia tidak boleh membunuhnya, maka apakah yang harus dilakukannya? Tentu sekali sukar untuk dikemukakannya empat orang saksi dalam keadaan yang tidak diduga itu? Maka turunlah ayat li'aan sebagai ganti empat orang saksi. Rasulullah s.a.w. pun memerintahkan agar suami isteri berkenaan berli'aan di dalam masjid. Di sinilah letaknya kesesuaian hadits Sahl dengan bab yang diadakan oleh Bukhari. Walaupun peristiwa ini khusus berkenaan dengan li'aan, tetapi ia juga merupakan satu keputusan dalam pengadilan Nabi s.a.w. Daripada peristiwa-peristiwa seperti inilah Bukhari membuat kesimpulan bahawa mengadili perbicaraan sesuatu kes di dalam masjid sekurang-kurangnya adalah diharuskan, walaupun kes yang dibicarakan di dalam masjid itu melibatkan lelaki dan perempuan.

⁵⁷⁶ Pada umumnya pensyarah-pensyarah Sahih Bukhari membahagikan tajuk bab ini kepada dua bahagian. **Pertama:** Apabila Seseorang Masuk Ke Dalam Rumah (Seseorang Yang Mengundangnya Untuk Bersembahyang), Adakah Dia Boleh Bersembahyang Di Mana Dia (Sendiri) Suka. **Kedua:** Atau Di Mana Dia Diminta (Oleh Tuan Rumah / Pengundang Untuk) Bersembahyang. Dia Tidak Boleh Memandai-Mandai (Memilih Tempat Untuk Bersembahyang). Berdasarkan terjemahan ini, sebelum perkataan يصلي semestinya ada haraf istifham yang ditaqdirkan. Haraf yang ditaqdirkan itu sama ada ا أو هل. Ini bererti bahagian pertama berkait dengan kehendak pengunjug dan bahagian kedua pula berkait dengan kehendak pengundang. Bagi penulis tajuk bab di atas boleh juga dibahagikan kepada tiga bahagian dan bahagian ketiganya ialah: Dia Tidak Boleh Memandai-Mandai (Memilih Tempat Untuk Bersembahyang). Tajuk bab di atas boleh juga diterjemahkan begini: Bab: Apabila Seseorang Masuk Ke Dalam Rumah (Seseorang Yang Mengundangnya Untuk Bersembahyang), Dia Hendaklah Bersembahyang Di Tempat Yang Dikehendaki (Oleh Tuan Rumah) Atau Di Mana Dia Diminta (Oleh Tuan Rumah / Pengundang Untuk) Bersembahyang. Dia Tidak Boleh Mengintip Atau Mencari-Cari Kesalahan Dan Keaiban Orang (Terutamanya Apabila Masuk Ke Rumahnya). Berdasarkan terjemahan kedua ini bahagian ketiga merupakan satu arahan yang berasingan dan tiada kena mengenanya dengan dua bahagian sebelumnya. Ia bukan ayat penguat atau pelengkap dua bahagian sebelumnya. Dengan kata lain ia merupakan ta'sis bukan ta'kid (تأسيس لا تأكيد). Ia juga bererti perkataan يصلي tidak dipakai sebagai khabar tetapi sebagai insyaa' iaitu ليصل. Jumlah seperti ini dipanggil (خبرية لفظا إنشائية معنى). berdasarkan terjemahan ini kedua-dua bahagian di dalam tajuk bab di atas berkait dengan kehendak pengundang atau tuan rumah. Bagaimanapun terjemahan pertama yang diberikan di atas adalah lebih tepat dan bahagian ketiganya jika diterima pun hanyalah sebagai تأسيس bukan تأكيد. Para pensyarah Sahih Bukhari berbeza pendapat tentang maksud beliau mengadakan bab ini. (1) Al-Muhallab, Ibnu Batthaal dan al-Maziri berpendapat orang yang diundang untuk bersembahyang di rumah seseorang tidak boleh memilih tempat

٤٠٦ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ قَالَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ مَحْمُودِ بْنِ الرَّبِيعِ عَنْ عِثْبَانَ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَاهُ فِي مَنْزِلِهِ فَقَالَ أَيْنَ تُحِبُّ أَنْ أُصَلِّيَ لَكَ مِنْ بَيْتِكَ قَالَ فَأَشْرَفْتُ لَهُ إِلَى مَكَانٍ فَكَبَّرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَصَفَّفْنَا خَلْفَهُ فَصَلَّى رَكَعَتَيْنِ

406- `Abdullah bin Maslamah meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibrahim bin Sa`ad meriwayatkan kepada kami daripada Ibni Syihab daripada Mahmud bin ar-Rabi` daripada `Itbaan bin Malik, bahawa Nabi s.a.w. datang ke rumahnya lalu Baginda s.a.w. bertanya: “Di

yang disukainya sendiri untuk bersembahyang, malah dia hendaklah bersembahyang di tempat yang dia diminta bersembahyang. Dalilnya ialah hadits di bawah bab ini. Rasulullah s.a.w. tetap bertanya tempat di mana beliau harus bersembahyang walaupun `Itbaan telah mengundangnya untuk bersembahyang dan walaupun Baginda s.a.w. telah mendapat keizinan daripada `Itbaan untuk masuk ke dalam rumahnya. (2) Ibnu al-Munaiyyir berpendapat, orang yang diundang boleh bersembahyang di mana saja dikehendakinya, setelah mendapat keizinan umum daripada tuan rumah untuk masuk bersembahyang di dalam rumahnya. Kalau begitu kenapakah Nabi s.a.w. masih bertanya tentang tempat yang dikehendaki `Itbaan beliau bersembahyang? Jawabannya ialah Rasulullah s.a.w. sedar sebenarnya `Itbaan mahu mengambil berkat dan sempena baik daripadanya untuk tempat yang akan dijadikannya sebagai tempat sembahyang yang khusus di rumahnya. Oleh kerana penglihatan `Itbaan pada ketika itu sudah sangat lemah dan beliau tidak dapat ke masjid lagi, maka beliau meminta Nabi s.a.w. agar datang ke rumahnya untuk merasmikan satu tempat sembahyang (sebagai masjid) di rumahnya. Sekiranya sesuatu tempat sembahyang telah pun dima`lumi di rumah seseorang, tidak perlu lagi orang yang diundang atau bertandang kerumahnya bertanya setelah mendapat izin untuk masuk bersembahyang, di mana dia harus bersembahyang? Pergi sajalah ke tempat yang sedia dima`lumi sebagai tempat sembahyang khusus di rumah pengundang itu. (3) Menurut Syah Waliyullah, terpulang kepada seseorang yang diundang, sama ada mahu bersembahyang di tempat yang disukai dan dipilihnya setelah mendapat keizinan umum daripada tuan rumah untuk datang bersembahyang di rumahnya atau bersembahyang di tempat khusus yang disuruh tuan rumah. Yang penting ialah dia tidak boleh memandai-mandai di rumah orang lain. Jika dilihat kepada hadits yang dikemukakan Bukhari di bawah bab ini, maka yang jelasnya ialah seseorang yang diundang hendaklah bersembahyang di tempat di mana dia diminta bersembahyang. Tetapi Bukhari kadang-kadang mengisyratkan juga kepada hadits sama yang diriwayatkan melalui saluran yang lain. Di dalam riwayat itu tersebut bahawa `Itbaan telah menyerahkan kepada Rasulullah s.a.w. untuk menentukan tempat sembahyangnya. Dalam keadaan ini Rasulullah s.a.w. sudah boleh bersembahyang di mana saja di rumah `Itbaan itu, tetapi Baginda s.a.w. tetap bertanya `Itbaan semata-mata untuk memuaskan hatinya. (4) Menurut Ibnu Rajab, Bukhari mengqiaskan perbuatan-perbuatan lain seperti duduk, tidur dan lain-lain di rumah seseorang dengan sembahyang di rumahnya. Tetamu atau orang yang bertandang ke rumah seseorang tidak sepatutnya mengambil tempat duduk atau tempat tidur dengan sesuka hatinya kecuali dengan kebenaran tuan rumah. Jika tuan rumah sudah menentukan sesuatu tempat untuknya, tidak boleh lagi dia memandai-mandai memilih tempat lain. Kerana dengan berbuat begitu, dia seolah-olahnya mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban di rumah orang yang dikunjungi. Kalau sembahyang yang sememangnya membawa rahmat ke dalam rumah seseorang pun memerlukan keizinan tuan rumah, bagaimana dengan perbuatan-perbuatan lain. Sudah tentu ia lebih terikat dengan ketentuan dan kehendaknya. Sufyan ats-Tsauri berkata: “Apabila engkau masuk (ke rumah seseorang), duduklah di tempat yang disuruh tuan rumah engkau duduk. Tuan rumah lebih tahu tentang `aurat rumahnya. Itulah yang kita tahu sebagai salah satu ajaran Nabi s.a.w.” (5) Pada pendapat penulis maksud Bukhari membuat bab ini ialah untuk menyatakan eloknya mengkhususkan tempat bersembahyang di rumah, terutamanya untuk orang-orang yang tidak mampu ke masjid. Tempat khusus untuk bersembahyang di rumah itu merupakan masjid kepadanya dalam ertinya yang lebih luas. Berdasarkan hadits di bawah bab ini seseorang boleh bersembahyang bersendirian di tempat sembahyang yang khusus itu dan boleh juga bersembahyang dengan berjema`ah. Di samping itu secara isyarat, Bukhari juga mahu mengatakan bahawa memanglah sah sembahyang dikerjakan di mana-mana ruang rumah sekalipun, asalkan ia bersih. Tetapi bersembahyang di tempat yang ditentu dan dikhususkan adalah lebih baik dan lebih utama. Ini kerana tempat yang khusus untuk sembahyang tentu sekali akan dijaga kebersihannya melebihi tempat-tempat lain di dalam rumah. Keadaannya tak ubah seperti muka bumi yang terbentang luas ini. Di mana pun kita boleh bersembahyang, tetapi bukannya di masjid yang dibina khusus untuk sembahyang itu lebih utama?

mana kamu mahu aku bersembahyang untukmu di rumahmu ini?”⁵⁷⁷ Kata `Itbaan: “Aku pun mengisyaratkan kepada beliau ke suatu tempat.” Maka Nabi s.a.w. bertakbir dan kami membuat saf di belakangnya. Baginda s.a.w. pun bersembahyang dua raka`at.⁵⁷⁸

باب الْمَسَاجِدِ فِي الْبُيُوتِ وَصَلَّى الْبَرَاءُ بْنُ عَازِبٍ فِي مَسْجِدِهِ فِي دَارِهِ جَمَاعَةً

19- Bab Masjid-Masjid (Tempat-Tempat Sembahyang) Di Dalam Rumah.⁵⁷⁹ Baraa' Bin `Aazib Bersembahyang Di Masjid (Di Satu Tempat Khusus Untuk Bersembahyang) Di Dalam Rumahnya Dengan Berjama`ah.

⁵⁷⁷ Demikianlah tersebut perkataan *كَ* selepas perkataan *أُصَلِّيَ* di dalam riwayat Mustamli. Di dalam riwayat kebanyakan perawi Sahih Bukhari tidak ada perkataan *كَ* itu di sini dan juga di tempat-tempat lain. Di dalam riwayat Kusymaihani pula tersebut *كَ* di tempat *بَيْتِكَ* itu.

⁵⁷⁸ Hadits ini adalah ringkasan daripada hadits yang akan dikemukakan oleh Bukhari dengan lengkap di dalam bab berikut nanti. Hadits Mahmud bin ar-Rabi` daripada `Itbaan ini dikemukakan oleh Imam Bukhari lebih daripada sepuluh kali pada beberapa tempat di dalam Sahihnya. Antaranya ada yang dikemukakan secara ringkas dan ada juga yang diriwayatkan dengan lebih terperinci. Bukhari telah menyimpulkan sekian banyak pengajaran dan panduan daripadanya dengan mengadakan beberapa tajuk bab yang berbeza-beza. **Antara pengajaran dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Elok menentukan tempat khusus di rumah untuk bersembahyang terutamanya apabila seseorang tidak dapat pergi ke masjid kerana sesuatu ke`uzuran. (2) Keharusan bersembahyang dengan berjama`ah di rumah. (3) Keharusan bersembahyang sunat muthlaq atau sunat hajat dan lain-lain dengan berjama`ah. (4) Pemimpin elok berkunjung ke rumah ra`yat atau pengikut terutamanya apabila dijemput. (5) Kehendak dan hajat ra`yat yang sayogianya dipenuhi pemimpin, tidak semestinya bersifat kebendaan. (6) Berada di dalam saf di belakang imam ketika bersembahyang. (7) Salah satu adab yang diajarkan oleh Nabi s.a.w. ialah tidak bertindak sewenang-wenang apabila pergi ke rumah orang, walaupun untuk melakukan sesuatu `amalan yang mendatangkan pahala dan keberkatan kepada tuan rumah. (8) Hadits ini menunjukkan sifat rendah diri Rasulullah s.a.w. dan kemuliaan pekerti Baginda.

⁵⁷⁹ Di dalam tajuk bab yang lalu Bukhari hanya mengisyaratkan kepada masjid di rumah (مسجد البيت) atau tempat khusus di rumah untuk bersembahyang. Melalui bab ini pula beliau secara terang-terangan menerima kewujudan dan masyruiyyahnya masjid di rumah itu. Walaupun ia tidak sama dengan masjid sebenar daripada segi ia boleh dipesakai, dijual beli, tidak ada sembahyang tahiyatu al-masjid di dalamnya dan sebagainya. Tetapi dalam setengah-setengah perkara, boleh dilakukan di dalamnya apa yang boleh dilakukan di dalam masjid yang sebenarnya seperti beri`tikaf, khususnya untuk orang-orang perempuan, orang-orang sakit dan orang-orang yang cacat penglihatan dan lain-lain. Walaupun kebanyakan ulama tidak menerima ada beberapa perkara yang khusus dengan masjid boleh dilakukan di dalam masjid al-bait itu, namun Ibrahim an-Nakha'i, Abu Hanifah, Abu Yusuf, Muhammad bin Hasan asy-Syaibaani, Zufar, Sufyan ats-Tsauri, sebilangan tokoh dalam mazhab Malik, Syafi'e dalam qaul qadimnya dan Imam Bukhari adalah antara tokoh ulama yang menerima dan membolehkannya. Terlebih dahulu elok dinyatakan bahawa tajuk bab di atas terbahagi kepada dua bahagian. **Pertama:** Bab Masjid-Masjid (Tempat-Tempat Sembahyang) Di Dalam Rumah. **Kedua:** Baraa' Bin `Aazib Bersembahyang Di Masjid (Di Satu Tempat Khusus Untuk Bersembahyang) Di Dalam Rumahnya Dengan Berjama`ah. Dengan mengadakan tajuk bab ini Imam Bukhari sebenarnya mahu mengisyaratkan kepada dua perkara. **Pertama:** Beberapa hadits dan atsar yang boleh dijadikan sebagai asas dan sandaran bagi masyruiyyahnya apa yang dinamakan masjid al-bait (masjid di dalam rumah) itu. **Kedua:** Beliau juga mahu menjelaskan apa yang mubham (samar / tidak jelas ma`nanya) daripada sabda Rasulullah s.a.w. apabila Baginda menyebutkan perkataan-perkataan tertentu seperti *دُورُنَا فِي الدُّوَرِ* atau *دُورُنَا* di dalam haditsnya berhubung dengan masjid. Bagi Bukhari masjid al-bait itu samalah dengan mushalla atau tempat sembahyang yang dikhususkan di dalam sesebuah rumah. Ia bukan masjid sebenar dengan ciri-ciri khususnya yang

sedia dima'lumi. Antara hadits yang boleh dijadikan sebagai asas dan sandaran bagi masyru'iyahnya apa yang dinamakan masjid al-bait (masjid di dalam rumah) itu ialah: (1) Hadits 'Itbaan yang dikemukakan beliau dibawah bab ini. Di dalamnya tersebut kata-kata 'Itbaan kepada Rasulullah s.a.w: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّكَ تَأْتِينِي فَتُصَلِّي فِي بَيْتِي فَاتَّخِذْهُ مُصَلًّى (wahai Rasulullah s.a.w. kiranya engkau dapat datang kepadaku dan bersembahyang di rumahku untuk dijadikan tempat itu sebagai mushalla (tempat sembahyang yang khusus). (2) Hadits yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Nasaa'i, Abu 'Awaanah dan lain-lain dengan isnad masing-masing daripada 'Aaisyah r.a. Beliau menceritakan, katanya:

قَعْنْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ لَيْلَةٍ فَلَمَسْتُ الْمَسْجِدَ فَإِذَا هُوَ سَاجِدٌ وَقَدَمَاهُ مَنُصُوبَتَانِ وَهُوَ يَقُولُ أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ وَأَعُوذُ بِمَعَافَاةِكَ مِنْ عِقَابِكَ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ لَا أَحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ

Bermaksud: Pernah pada suatu malam aku kehilangan Rasulullah s.a.w. Aku pun menyentuh (menjamah) masjidnya (tempat sembahyang khususnya). Rupa-rupanya Baginda s.a.w. sedang bersujud dalam keadaan kedua tapak kakinya didirikan. Ketika itu Baginda s.a.w. sedang mengucapkan: "Aku berindung dengan keredhaanMu daripada kemurkaanMu. Aku berindung dengan keampunanMu daripada seksaanMu. Aku berindung dengan (rahmat)Mu daripada (azab)Mu. Tidak dapat aku memujiMu selayaknya sebagaimana Engkau sendiri dapat memuji diriMu." Masjid yang tersebut di dalam hadits ini bukan Masjid Nabawi, tetapi tempat sembahyang di dalam rumah Rasulullah s.a.w. Ini kerana di waktu malam Rasulullah s.a.w. selalu bangun bersembahyang sunat di dalam rumah Baginda sendiri. Sering kali juga Nabi s.a.w. bersembahyang malam di sebelah atau berdekatan dengan tempat tidur isterinya 'Aaisyah. Jadi jelas sekali apa yang dimaksudkan oleh 'Aaisyah dengan masjidnya di dalam hadits tadi ialah masjid al-bait. (3) Di akhir Kitab al-Haidh dahulu Bukhari telah mengemukakan satu hadits daripada 'Abdillah bin Syaddaad, katanya:

سَمِعْتُ خَالَتِي مَيْمُونَةَ زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهَا كَانَتْ تَكُونُ حَائِضًا لَا تُصَلِّي وَهِيَ مُقَرَّرَةٌ بِحِذَاءِ مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يُصَلِّي عَلَى خُمُرَتِهِ إِذَا سَجَدَ أَصَابَنِي بَعْضُ ثَوْبِهِ

Bermaksud: "Aku telah mendengar emak saudaraku Maimunah, isteri Nabi s.a.w. menceritakan: Bahawa sesungguhnya ketika beliau berhaidh, tidak boleh bershalat (pada ketika itu), beliau berbaring di hadapan masjid Rasulullah s.a.w. ketika Baginda sedang bershalat di atas sejadah kecilnya. Apabila Baginda bersujud, sebahagian pakaiannya mengenaiku."

Ketika mengulas hadits ini Ibnu Rajab menulis: "Masjid yang dimaksudkan oleh Maimunah di dalam hadits ini ialah مسجد بيت النبي (masjid di dalam rumah Nabi s.a.w.) di mana Baginda s.a.w. selalu bersembahyang. Sudah tentu Maimunah tidak berbaring kecuali di hadapan masjid (tempat sembahyang yang khusus di dalam rumahnya) ini. Beliau tidak memaksudkan masjid Nabi s.a.w. di Madinah. والله أعلم." (4) Imam Ahmad meriwayatkan daripada Waki' daripada Ja'far bin Burqaan daripada Syaddaad maula 'Iyaadh bin 'Aamir daripada Bilal, أنه جاء إلى النبي يؤذنه Bermaksud: Bahawa pernah beliau pergi kepada Nabi s.a.w. untuk memberitahu Baginda s.a.w. tentang sembahyang. Tiba-tiba didapatinya Baginda s.a.w. sedang bersahur di dalam masjid di rumahnya. Hadits ini walaupun dha'if kerana Syaddaad tidak sempat mendengar apa-apa daripada Bilal menurut Imam Abu Daud. Dia juga seorang perawi majhul menurut az-Zahabi. Tetapi ia boleh dijadikan sebagai syahid kepada hadits-hadits yang lalu. (5) Balazuri dan Ibnu Sa'ad meriwayatkan dengan sanad mereka daripada Sufyan daripada ayahnya, katanya: أول من اتخذ مسجدا في بيته صلى فيه عمار Bermaksud: Orang yang mula-mula mengkhususkan masjid untuk bersembahyang di dalam rumahnya ialah 'Ammaar (bin Yaasir)." Maksud atsar ini ialah orang yang mula-mula mengkhususkan masjid untuk bersembahyang di dalam rumahnya di Madinah. Sebabnya ialah Abu Bakar telah mendahului 'Ammaar dalam pembinaan masjid di rumahnya di Mekah ketika beliau berada di kalangan masyarakat orang-orang kafir di sana. Hadits-hadits dan atsar di atas jelas menunjukkan adanya apa yang dinamakan masjid di rumah itu di zaman Rasulullah s.a.w. lagi. **Perkara kedua** yang hendak dijelaskan oleh Bukhari melalui bab ini ialah perkataan في داره , في الدور , atau ثورنا yang tersebut di dalam hadits-hadits dan atsaar para sahabat itu bermaksud di dalam rumah atau di dalam rumah-rumah kami. Ia tidak bererti di kawasan perumahan kami atau di perkampungan kami dan sebagainya. Hadits-hadits dan atsar-atsar itu kuat dan boleh dijadikan hujjah. Antara hadits yang mengandungi perkataan ini ialah: (1) Hadits yang diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Ibnu majah dan Ibnu Hibbaan daripada 'Aaisyah, katanya: إن النبي صلى الله عليه وسلم أمر ببناء المساجد في الدور وأمر بها أن تُنظف وتطيب Bermaksud: "Sesungguhnya Nabi s.a.w. memerintahkan supaya dibina masjid-masjid di dalam rumah-rumah. Baginda s.a.w. (juga) memerintahkan agar masjid-masjid itu dibersihkan dan diwangikan." (2) Atsar Baraa' yang dikemukakan oleh Bukhari secara ta'liq di dalam tajuk bab di atas. Di dalamnya tersebut perkataan في داره . في مسجده في داره di dalamnya bagi Bukhari, Khatthaabi dan lain-lain bererti di dalam rumahnya bukan di perkampungannya atau di perumahannya. Ma'na atsar ini telah dikemukakan oleh Ibnu Abi Syaibah. (3) Dengan isnadnya Abu Daud meriwayatkan daripada samurah bin Jundub, katanya: كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يأمرنا أن نصنع في دورنا وأن نصلح صنعتها ونطهرها Bermaksud: "Rasulullah s.a.w. menyuruh kami membuat masjid di rumah-

٤٠٧ - حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ عُفَيْرٍ قَالَ حَدَّثَنِي اللَّيْثُ قَالَ حَدَّثَنِي عُقَيْلٌ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ قَالَ أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الرَّبِيعِ الْأَنْصَارِيُّ أَنَّ عَتَبَانَ بْنَ مَالِكٍ وَهُوَ مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِمَّنْ شَهِدَ بَدْرًا مِنَ الْأَنْصَارِ أَنَّهُ أَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَدْ أَتَيْتُكَ بِصَرِيٍّ وَأَنَا أَصْلِي لِقَوْمِي فَإِذَا كَانَتْ الْأَمْطَارُ سَالَ الْوَادِي الَّذِي بَيْنِي وَبَيْنَهُمْ لَمْ أَسْتَطِعْ أَنْ آتِيَ مَسْجِدَهُمْ فَأُصَلِّيَ بِهِمْ وَوَدِدْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنَّكَ تَأْتِينِي فَتُصَلِّيَ فِي بَيْتِي فَاتَّخِذَهُ مُصَلًّى قَالَ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَأَفْعَلُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ قَالَ عَتَبَانُ فَعَدَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ حِينَ ارْتَفَعَ النَّهَارُ فَاسْتَأْذَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَذِنَتْ لَهُ فَلَمْ يَجْلِسْ حَتَّى دَخَلَ الْبَيْتَ ثُمَّ قَالَ أَيْنَ تُحِبُّ أَنْ أُصَلِّيَ مِنْ بَيْتِكَ قَالَ فَأَشْرَفْتُ لَهُ إِلَى نَاحِيَةِ مِنَ الْبَيْتِ فَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكَبَّرَ فَقُمْنَا فَصَفَفْنَا فَصَلَّى رَكَعَتَيْنِ ثُمَّ سَلَّمَ قَالَ وَحَبَسْنَاهُ عَلَى خَزِيرَةٍ صَنَعْنَاهَا لَهُ قَالَ فَتَابَ فِي الْبَيْتِ رِجَالٌ مِنْ أَهْلِ الدَّارِ ذُوو عَدَدٍ فَاجْتَمَعُوا فَقَالَ قَائِلٌ مِنْهُمْ أَيْنَ مَالِكُ بْنُ الدُّخَشِينِ أَوْ ابْنُ الدُّخَشِينِ فَقَالَ بَعْضُهُمْ ذَلِكَ مُنَافِقٌ لَا يُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَقُلْ ذَلِكَ أَلَا تَرَاهُ قَدْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يُرِيدُ بِذَلِكَ وَجْهَ اللَّهِ قَالَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ فَإِنَّا نَرَى وَجْهَهُ وَنَصِيحَتَهُ إِلَى الْمُنَافِقِينَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِنَّ اللَّهَ قَدْ حَرَّمَ عَلَى النَّارِ مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَتَّبِعِي بِذَلِكَ وَجْهَ اللَّهِ قَالَ ابْنُ شِهَابٍ ثُمَّ سَأَلْتُ الْحَصِينَ بْنَ مُحَمَّدٍ الْأَنْصَارِيَّ وَهُوَ أَحَدُ بَنِي سَالِمٍ وَهُوَ مِنْ سَرَائِهِمْ عَنْ حَدِيثِ مُحَمَّدِ بْنِ الرَّبِيعِ الْأَنْصَارِيِّ فَصَدَّقَهُ بِذَلِكَ

407- Sa'id bin 'Ufair meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Laits meriwayatkan kepadaku, katanya: 'Uqail meriwayatkan kepadaku daripada Ibnu Syihab, katanya: Mahmud bin ar-Rabi' al-Anshari meriwayatkan kepadaku bahawa 'Itbaan bin Malik - dia ialah salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. dari kalangan Anshar yang telah ikut serta dalam peperangan Badar - pernah pergi menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Rasulullah! Penglihatanku tdk spt dahulu

rumah kami. Beliau s.a.w. (juga) menyuruh kami membinanya dengan elok dan menjaga kebersihannya." Imam Ahmad juga meriwayatkan hadits ini dengan lafaz yang sama. Tetapi sanad kedua-duanya bermasalah. Perkataan في دورنا di dalam hadits ini dan hadits-hadits yang lain dipakai Bukhari dengan erti di rumah-rumah kami, bukan di perkampungan atau di perumahan kami. Bagaimanapun jumhur ulama termasuk Malik, Syafi'e, Ahmad, Daud az-Zahiri dan lain-lain tetap tidak mahu menerima ciri khusus masjid sebenar itu ada pada masjid al-bait. Kerana itulah mereka tetap tidak mengharuskan i'tikaf di dalam masjid al-bait. Perkataan-perkataan في داره , في الدور , atau في دورنا yang tersebut di dalam hadits-hadits dan atsar-atsar yang dikemukakan sebelum ini tidak dipakai mereka dengan erti di rumah tetapi dengan erti di perumahan atau perkampungan kami. Dalil dan pegangan jumhur ulama antara lainnya ialah: (1) Jawapan Ibnu 'Abbaas apabila ditanya tentang seorang perempuan yang bernazar untuk beri'tikaf di dalam masjid di rumahnya, katanya: إن أبغض الأمور إلى الله البدع وإن من البدع الاعتكاف في المساجد التي في الدور Bermaksud: Perkara yang paling dibenci Allah ialah ('amalan) bid'ah. Sesungguhnya termasuk dalam perkara bid'ah ialah beri'tikaf di masjid-masjid di dalam rumah. (2) Sekiranya beri'tikaf di masjid di dalam rumah itu dibolehkan, tentulah Rasulullah s.a.w. menyuruh mana-mana isterinya melakukannya walaupun hanya sekali untuk menyatakan keharusannya. Tetapi jelas terbukti mereka tidak pernah melakukannya, malah mereka juga beri'tikaf di masjid Nabi s.a.w. seperti orang-orang lain. (3) Oleh kerana hakikat masjid di rumah itu tidak sama dengan masjid sebenar, maka ia tidak akan memiliki walaupun hanya satu keistimewaan.

lagi.⁵⁸⁰ Aku pula menjadi imam kepada kaumku. Apabila hujan, banyaklah air mengalir di lembah yang memisahkan aku dengan mereka. Aku tidak dapat pergi ke masjid mereka untuk menjadi imam. Suka benarlah aku wahai Rasulullah s.a.w. kiranya engkau dapat datang kepadaku dan bersembahyang di rumahku untuk kujadikan tempat itu sebagai mushalla (tempat sembahyang). Kata perawi: "Maka Rasulullah s.a.w. berkata kepadanya: "Baiklah, insya Allah aku akan datang." 'Itbaan bercerita lagi: Pada suatu pagi Rasulullah s.a.w. pun datang kepadaku bersama Abu Bakar ketika mana matahari sudah naik agak tinggi. Rasulullah s.a.w. pun meminta izin. Aku terus mengizinkan kepada Baginda (untuk masuk). Apabila telah masuk ke dalam rumah itu, Baginda tidak terus duduk, tetapi sebaliknya berkata: "Di mana engkau mahu aku bersembahyang di rumahmu ini."⁵⁸¹ 'Itbaan berkata: "Aku mengisytikan kepada Baginda s.a.w. ke satu penjuru rumah." Nabi s.a.w. pun berdiri lalu bertakbir. Kami turut berdiri membuat saf di belakangnya. Nabi s.a.w. bersembahyang dua raka'at kemudian memberi salam. Kata 'Itbaan: "Kami menahan Baginda s.a.w. untuk memakan khazirah⁵⁸² yang telah kami sediakan untuknya. 'Itbaan bercerita lagi: "Maka berkunjunglah ke rumahku beberapa orang penduduk perkampungan itu, ramai juga bilangan mereka. Setelah mereka berkumpul, bertanyalah salah seorang dari mereka: "Di mana Malik bin Dukhaisyin atau Ibnu ad-Dukhsyun?" Sebahagian mereka pula berkata: "Dia itu munafik. Dia tidak kasih kepada Allah dan Rasul-Nya." Tetapi

⁵⁸⁰ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَدْ أَكْرَهْتُ بَصْرِي Ungkapan inilah yang disebutkan oleh kebanyakan murid Ibnu Syihab az-Zuhri. Asal ma'nanya ialah "Penglihatanku tidak seperti dahulu (/secerah) dahulu lagi wahai Rasulullah". Selain ungkapan ini, terdapat beberapa lagi ungkapan yang diriwayatkan di tempat ungkapan tadi. Antaranya ialah: (2) لَمَّا سَاءَ بَصْرِي (Setelah penglihatanku bermasalah). (3) جَعَلَ بَصْرِي يَكِلُ (Penglihatanku telah mula tumpul). (4) أَصَابَنِي فِي بَصْرِي بَعْضُ الشَّيْءِ (Penglihatanku telah sedikit terganggu). Keempat-empat ungkapan ini tidak terang menggambarkan kebutaan. Tetapi berdasarkan riwayat Bukhari sendiri di dalam رَحْلِهِ فِي رَسُولِ اللَّهِ (Bab Kebenaran Bersembahyang Di Rumah Ketika Hujan Dan Sakit), Mahmud bin ar-Rabi' sendiri dilaporkan berkata: أَنِ عُبَّانُ بْنُ مَالِكٍ كَانَ يَوْمَ قَوْمِهِ وَهُوَ أَعْمَى وَأَنَا رَجُلٌ ضَرِيرُ الْبَصَرِ (Bahawa 'Itbaan menjadi imam kepada kaumnya ketika beliau buta). Di dalam hadits yang sama Mahmud melaporkan kata-kata 'Itbaan yang mengadukan halnya kepada Nabi s.a.w: وَأَنَا رَجُلٌ ضَرِيرُ الْبَصَرِ (sedangkan saya seorang buta). Nampak ada semacam pertentangan di antara hadits Mahmud ini dengan riwayat-riwayatnya lain. Sebenarnya tidak ada langsung pertentangan di antara riwayat-riwayat itu. Kata-kata Mahmud bahawa 'Itbaan telah buta, meruju' kepada ketika 'Itbaan menceritakan hadits ini kepadanya. Sementara riwayat-riwayat lain yang menggambarkan 'Itbaan belum betul-betul buta, beliau cuma mengalami masalah mata dan penglihatan, itu meruju' kepada zaman pengaduannya kepada Nabi s.a.w. Ungkapan ضَرِيرُ الْبَصَرِ pula sebagaimana dipakai dengan ma'na seorang yang buta, ia juga dipakai dengan ma'na seorang yang penglihatannya bermasalah.

⁵⁸¹ Apa yang berlaku di rumah 'Itbaan ini berbeza dengan apa yang berlaku di rumah Mulaikah nenek Anas. Di rumah 'Itbaan, Nabi s.a.w. bersembahyang terlebih dahulu sebelum makan. Di rumah Mulaikah pula Baginda s.a.w. makan dahulu sebelum bersembahyang. Sebabnya ialah Rasulullah s.a.w. mahu mendahulukan hajat utama tuan rumah. Oleh kerana hajat utama 'Itbaan ialah mengambil berkat daripada sembahyang Rasulullah s.a.w di rumahnya, maka Baginda memulakan sembahyang sebelum makan. Hajat utama Mulaikah pula ialah menjamu Nabi s.a.w. Maka wajarlah Baginda s.a.w. makan terlebih dahulu di rumahnya sebelum bersembahyang.

⁵⁸² Khazirah ialah sejenis makanan yang disediakan daripada daging yang dipotong halus-halus atau kecil-kecil. Daging itu kemudiannya direbus dengan air yang banyak. Apabila masak daging, ditaburkanlah gandum ke dalam bekas rebusan itu. Ada juga 'ulama' mengatakan khazirah ialah gandum yang dimasak dengan susu.

Rasulullah s.a.w. bersabda: “Jangan kamu berkata begitu. Bukankah dia mengucapkan لا إله إلا الله dgn ikhlas kerana Allah semata-mata.”⁵⁸³ Orang itu pun berkata: “Kalau begitu, Allah dan RasulNyalah yang lebih mengetahui.” Kata orang itu lagi: “Sebabnya kami berkata begitu, kerana kami nampak perhatian dan keikhlasannya adalah kepada orang-orang munafik. Rasulullah s.a.w. bersabda lagi: “Sesungguhnya Allah s.w.t. telah mengharamkan neraka kepada orang yang mengucapkan لا إله إلا الله dengan ikhlas.”⁵⁸⁴ Ibnu Syihab berkata:⁵⁸⁵ “Kemudian saya bertanya Hushain bin Muhammad al-Anshari⁵⁸⁶ - dia adalah salah seorang Bani Salim. Dia juga

⁵⁸³ Ini adalah pengesahan dan pengakuan Rasulullah s.a.w. tentang kebaikan Islam Malik bin Dukhsyun. Da'waan bahawa Malik adalah seorang munafiq tertolak dengan hadits ini. Apa lagi jika diambil kira kesepakatan ulama tentang penglibatannya dalam perang Badar. Dialah orangnya yang menawan Suhail bin 'Amar dalam peperangan itu. Berdasarkan riwayat Darimi dan Ibnu Hibbaan dengan sanad hasan daripada Abi Hurairah, setelah mendengar orang mengatai Malik, Rasulullah menegur orang itu dengan katanya: *أليس قد شهد بدرًا قالوا بلى قال فلعن الله أطلع على أهل بدر* Bermaksud: “Bukankah dia telah ikut serta dalam peperangan Badar? Mereka (para sahabat) menjawab, “ya”. Rasulullah s.a.w. bersabda lagi: “Tentu Allah telah mengetahui tentang Ahli Badar (orang-orang yang telah ikut serta dalam peperangan Badar) itu, makanya Dia berfirman: “Lakukanlah apa yang kamu mahu. Sesungguhnya Aku telah ampunkan kamu.” Di dalam Maghazi Ibnu Ishaq tersebut bahawa Nabi s.a.w. menghantar Malik bersama Ma'an bin 'Adi untuk membakar Masjid Dhirar. Tugas itu telah dilaksanakan oleh mereka berdua. Semua ini membuktikan keislaman Malik tidak boleh diragui lagi. Mungkin juga sahabat yang mengatakan Malik munafik, hanya memaksudkan nifaq 'amali semata-mata atau dia mengatakan begitu berdasarkan zahir perbuatan Malik yang menampakkan ketiadaan kasihnya kepada Rasulullah s.a.w. Bagimanapun setelah ditegur Nabi s.a.w, orang itu terus berkata: “Kalau begitu, Allah dan RasulNyalah yang lebih mengetahui.”

⁵⁸⁴ Sabda Rasulullah s.a.w. ini seharusnya dipakai dengan beberapa erti supaya ia tidak bercanggah dan bertentangan dengan sekian banyak hadits yang lain. Antara erti dan maksudnya ialah: (1) Maksud sabda Baginda s.a.w: (Sesungguhnya Allah s.w.t. telah mengharamkan neraka kepada orang yang mengucapkan لا إله إلا الله dengan ikhlas) itu ialah mengharamkan kekal orang yang mengucapkan لا إله إلا الله dengan ikhlas di dalam neraka. (2) Ia sama sekali tidak menunjukkan bahawa orang yang mengucapkan لا إله إلا الله dengan ikhlas semata-mata, terus akan diharamkan kepada neraka walaupun ia tidak bersembahyang dan melakukan tanggungjawab-tanggungjawab agama yang lain. Malah ia menunjukkan orang yang benar-benar mengucapkan لا إله إلا الله dengan ikhlas, pasti akan menjaga segala tanggungjawab keagamaan. Dengan sebab itulah ia diharamkan ke atas neraka. (3) Maksud mengharamkan neraka kepadanya itu ialah jika Allah mengampunkannya dan menerima taubatnya, walaupun dia telah melakukan dosa semasa hidup. Ucapan لا إله إلا الله dengan ikhlas itulah yang memungkinkan dia diampuni Allah. (4) Neraka yang diharamkan kepada orang-orang yang mengucapkan لا إله إلا الله dengan ikhlas itu ialah neraka yang disediakan untuk orang-orang kafir. Neraka itu memanglah di haram ke atas orang-orang mu'min. Tetapi itu tidak bererti mereka tidak akan masuk neraka langsung.

⁵⁸⁵ Kata-kata Ibni Syihab iaitu Muhammad bin Muslim az-Zuhri yang dinukilkan ini tidak mu'allaq, malah ia muttshil dengan sanad di atas itu juga. Orang yang mengatakan ia mu'allaq sebenarnya terkeliru kerana perkataan قال tidak dikemukakan sebagai ma'thuf kepada yang sebelumnya.

⁵⁸⁶ Hushain bin Muhammad al-Anshari al-Madani ialah salah seorang perawi tabi'in yang tsiqah. Ibnu syihab bertanya pula Hushain setelah beliau mendengar sendiri daripada Mahmud bin ar-Rabi' bukan kerana beliau tidak percayakan Mahmud tetapi mungkin kerana beberapa sebab yang lain. Antaranya ialah: (1) Untuk menguatkan dan meyakinkan lagi apa yang telah didengarinya daripada Mahmud. (2) Beliau mengetahui Hushain juga telah mendengar hadits ini daripada 'Itbaan. (3) Ada kemungkinan Mahmud mendengar hadits ini daripada 'Itbaan ketika beliau masih kecil. Oleh kerana para ulama berselisih pendapat tentang boleh diterima atau tidak hadits seseorang perawi yang menerimanya sewaktu kecil, Ibnu Syihab cuba menghilangkan keraguan yang mungkin timbul tentangnya dengan membawa sokongan daripada Hushain yang juga turut meriwayatkannya. Memang benar Mahmud masih kanak-kanak di zaman Rasulullah s.a.w. Kerana itulah beliau terbilang sebagai salah seorang sahabat kecil Baginda s.a.w. Hafiz Ibnu Hajar di dalam Tahzib at-Tahzib menulis: “Beliau wafat pada tahun 99 H. ketika berumur 93 tahun.” Kenyataan ini menunjukkan kelahirannya ialah pada tahun keenam Hijrah dan dengan itu dapat disimpulkan bahawa umur beliau ketika kewafatan Rasulullah s.a.w. ialah lima tahun. Apa lagi terdapat

adalah antara orang yang terpilih (terkemuka) dari kalangan mereka - tentang hadits Mahmud bin ar-Rabi' ini. Beliau membenarkannya.⁵⁸⁷

riwayat sahih yang dikemukakan oleh Thabaraani di mana beliau dilaporkan berkata: "Rasulullah s.a.w. wafat ketika aku berumur lima tahun." Selain itu tidak tersebut di dalam riwayat di atas beliau menerima hadits ini daripada 'Itbaan ketika masih kanak-kanak. 'Itbaan meninggal dunia di zaman pemerintahan Sayyidina Mu'aawiyah iaitu selepas tahun 40 H. Ketika itu umur Mahmud sudah lebih tiga puluh lima tahun. Jadi alasan ketiga ini nampaknya tidak begitu kuat untuk dijadikan sebab kenapa Ibnu Syihab meruju' pula kepada Hushain berhubung dengan hadits ini. (4) Oleh kerana zahir riwayat ini menampakkan ucapan *لا إله إلا الله* semata-mata sudah boleh mengharamkan seseorang ke atas neraka, sedangkan terdapat banyak sekali ayat-ayat al-Qur'an dan hadits-hadits lain daripada Rasulullah s.a.w yang membuktikan bahawa semata-mata Islam tidaklah akan melepaskannya daripada neraka, malah seseorang yang telah beriman mesti juga beramal salih di samping kesaksian itu. Maka Ibnu Syihab merasakan perlu riwayat Mahmud ini disokong oleh orang lain. (5) Boleh jadi juga Hushain menerima hadits ini daripada sahabat lain. Bagaimanapun ia tetap menguatkan hadits Mahmud bin ar-Rabi' ini. Inilah satu-satunya hadits Hushain dan 'Itbaan yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim di dalam Sahihain.

⁵⁸⁷ Banyak sekali pengajaran, panduan dan bimbingan yang terdapat di dalam hadits ini. Antaranya ialah: (1) Orang buta boleh menjadi imam sembahyang. (2) Harus tidak ikut serta bersembahyang jama'ah di masjid kerana sesuatu ke'uzuran atau sebab-sebab tertentu seperti hujan, keadaan sangat gelap, kebimbangan terhadap keselamatan diri dan lain-lain. (3) Tidak salah menyatakan sesuatu penyakit yang ditanggung atau sesuatu masalah yang menimpa kepada orang lain, terutamanya kepada orang yang boleh menyelesaikannya. (4) Keharusan mengambil sesuatu tempat di dalam rumah sebagai tempat khusus untuk bersembahyang. (5) Kemestian membuat saf di belakang imam dalam bersembahyang sekiranya ma'mum terdiri dari dua orang ke atas, tidak kira sama ada sembahyang itu dikerjakan di masjid atau di rumah. (6) Pengunjung boleh menjadi imam di rumah orang yang dikunjungi dengan syarat diizinkan oleh tuan rumah. (7) Tuan rumah seeloknya menampilkan ke hadapan tetamu atau orang yang berkunjung ke rumahnya untuk menjadi imam, jika dia memang seorang yang mempunyai kelebihan dan keutamaan. (8) Masjid al-bait atau tempat sembahyang yang khusus di rumah seseorang tetap dimilikinya. Ia tidak menjadi waqaf. Berbeza dengan masjid yang dibangunkan di perkampungan atau di perumahan yang terbuka kepada umum untuk mengerjakan sembahyang. (9) Keharusan mengambil berkat daripada tempat sembahyang orang-orang salih. (10) Pemimpin dan orang-orang salih yang dijemput untuk menyempenakan sesuatu tempat beribadat misalnya, hendaklah menerima jemputan itu sedapat mungkin kecuali kalau ia akan menimbulkan rasa 'ujub (kagum kepada diri sendiri) atau mencetuskan fitnah. (11) Janji mestilah ditepati. Ucapan in syaa' Allah bukanlah suatu ucapan untuk melepaskan diri daripada menepati janji. (12) Sembahyang sunat dengan berjama'ah boleh juga dikerjakan pada waktu siang. (13) Memuliakan ulama dan ketua apabila mereka dijemput dengan menjamu mereka dan sebagainya. (14) Memberitahu kepada ketua dan pemimpin tentang orang-orang yang disyaki terlibat dengan pihak musuh. Ia tidak termasuk bab mengumpat. (15) Pemimpin pula bertanggungjawab memastikan kebenaran cerita tentang keburukan seseorang atau sesuatu golongan. Dia tidak boleh menelan saja apa-apa yang dilaporkan kepadanya. Jika apa-apa yang dilaporkan kepadanya jelas tidak benar, dia hendaklah memberikan alasan terbaik kepada pelapor agar prasangka buruk tidak menghantuinya. (16) Tidak menghadhiri sesuatu majlis yang penting tanpa sebarang ke'uzuran merupakan satu kesalahan. (17) Mengambil berat tentang ahli jama'ah adalah adalah budaya masyarakat sahabat. (18) Orang bawahan atau ra'yat jelata boleh mengundang pemimpin untuk menyempurnakan sesuatu hajat dan keperluannya. (19) Pemimpin, imam atau seseorang yang diundang untuk sesuatu pekerjaan boleh mengajak orang lain sebagai temannya jika ia yakin pengundang tidak akan terkilang dengan kehadiran temannya itu. (20) Walaupun telah diundang, seseorang perlu meminta izin pula daripada tuan rumah untuk masuk ke dalam rumahnya setelah sampai. Apabila masuk ke dalam, dia tidak boleh bersewenang-wenang duduk, makan atau berjalan-jalan ke sana ke mari di dalam rumah pengundang melainkan dengan izinnya. (21) Apabila seseorang 'alim pergi ke sesuatu tempat, eloklah penduduk tempat itu pergi bertemu mata dengannya di samping memberikan apa-apa bantuan yang diperlukannya. (22) Orang yang tidak bersalah mestilah dibela dan dipertahankan nama baiknya. (23) Orang yang mati atas ajaran tauhid tidak akan kekal di dalam neraka. (24) Orang yang mengucapkan dua kalimah syahadah dengan hati yang ikhlas akan diharamkan neraka kepadanya. (25) Keharusan mengaitkan masjid dengan golongan tertentu. (26) Kelebihan dan keutamaan Ahli Badar (orang-orang yang telah ikut serta dalam peperangan Badar). (27) Di Madinah terdapat beberapa buah masjid selain Masjid Nabi s.a.w. sendiri di mana ditunaikan sembahyang fardhu lima waktu dengan berjama'ah. (28) Mengambil berkat dengan tempat sembahyang Nabi s.a.w. iaitu dengan mengerjakan sembahyang di tempat yang pernah digunakan

بَابُ التَّيَمُّنِ فِي دُخُولِ الْمَسْجِدِ وَغَيْرِهِ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يُبْدَأُ بِرِجْلِهِ الْيُمْنَى فَإِذَا خَرَجَ بَدَأَ بِرِجْلِهِ الْيُسْرَى

20- Bab Menganan Ketika Masuk Ke Dalam Masjid Dan Selainnya. Ibnu `Umar Memulakan Dengan Kaki Kanannya (Apabila Melangkah Masuk Ke Dalam Masjid), Apabila Hendak Keluar, Beliau Memulakan (Melangkah Ke Luar Masjid) Dengan Kaki Kirinya.⁵⁸⁸

٤٠٨ - حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ الْأَشْعَثِ بْنِ سُلَيْمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ مَسْرُوقٍ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحِبُّ التَّيَمُّنَ مَا اسْتَطَاعَ فِي شَأْنِهِ كُلِّهِ فِي طَهْوَرِهِ وَتَرَجُّلِهِ وَتَتَعُّلِهِ

408- Sulaiman bin Harb meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu`bah meriwayatkan kepada kami daripada al-Asy`ats bin Sulaim daripada ayahnya daripada Masruq daripada `Aaisyah, katanya: “Nabi s.a.w. suka menganan sedapat mungkin dalam segala urusannya,⁵⁸⁹ baik dalam bersuci, menyikat rambut atau dalam memakai sepatunya.”⁵⁹⁰

oleh Rasulullah s.a.w. untuk bersembahyang walaupun hanya sekali sahaja adalah masyru` dan digalakkan. (29) Orang yang mengaitkan seseorang muslim dengan nifaq dan sebagainya berdasarkan bukti-bukti yang ada padanya, tidak menjadi kafir atau fasik dengan sebab itu. Dia tetap dima`afkan kerana dikira mempunyai alasan. Walaupun alasannya itu meleset dan tidak tepat. (30) Mendahulukan apa yang utama di sisi pengundang sebelum melakukan perkara-perkara lain. (31) Salah satu sifat orang-orang munafik ialah tidak kasihkan Allah dan rasulNya.

⁵⁸⁸ Seperti telah disebutkan sebelum ini bahawa melalui 55 bab bermula daripada Bab Menanggalkan Air Ludah Dari Masjid Dengan Tangan hingga ke Bab Sutrah Imam Adalah Sutrah Kepada Orang-Orang Di Belakangnya, semuanya berkenaan dengan masjid. Di dalam 55 bab itu Imam Bukhari membentangkan tiga perkara utama. Pertama tentang perkara-perkara yang harus dilakukan di dalam masjid. Kedua tentang adab-adab masjid. Ketiga tentang perkara-perkara yang tidak sesuai atau tidak dibenar dilakukan di dalam masjid. Menerusi bab ini Bukhari mahu mengemukakan salah satu adab masjid iaitu seseorang dikehendaki melangkah masuk ke dalam masjid dengan kaki kanannya. Apabila hendak keluar dari masjid pula, dia dikehendaki melangkah keluar dengan kaki kirinya. Ini kerana masjid adalah tempat paling baik dan paling diberkati di dunia ini. Jika kita dianjurkan menggunakan tangan atau kaki kanan ketika membuat sesuatu pekerjaan lain yang dianggap baik dan mulia di sisi agama, maka lebih-lebih lagilah kita dituntut beradab ketika masuk, keluar dan ketika berada di dalam masjid. Imam Bukhari mengemukakan `amalan Ibnu `Umar sebagai salah satu contoh penghayatan Sunnah Nabi s.a.w. Atsar Ibnu `Umar ini tidak dapat dikesan siapakah yg telah memaushulkannya. Bagaimanapun dengan sanad masing-masing, Baihaqi dan Hakim meriwayatkan daripada Mu`aawiyah bin Qurrah daripada Anas, katanya: *مِنَ السُّنَّةِ إِذَا دَخَلْتَ الْمَسْجِدَ أَنْ تَبْدَأَ بِرِجْلِكَ الْيُمْنَى ، وَإِذَا خَرَجْتَ أَنْ تَبْدَأَ بِرِجْلِكَ الْيُسْرَى* Bermaksud: Termasuk dalam Sunnah Nabi s.a.w. ialah apabila engkau hendak masuk ke dalam masjid, engkau melangkah masuk ke dalamnya dengan kaki kanan dan apabila engkau hendak keluar darinya, engkau melangkah keluar dengan kaki kiri.

⁵⁸⁹ Daripada kata-kata `Aaisyah bahawa Nabi s.a.w. suka menganan sedapat mungkin dalam segala urusannya, Imam Bukhari menyimpulkan sunnah menganan apabila masuk ke masjid dan sunnah mengiri ketika keluar dari masjid berdasarkan qaedah *من باب الاولى*.

⁵⁹⁰ Antara pengajaran dan panduan yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Sunnah menganan dalam mengerjakan sesuatu pekerjaan yang baik dan mulia. (2) Sunnah membasuh tangan kanan sebelum tangan kiri, kaki kanan sebelum kaki kiri ketika berwudhu'. Demikian juga sunnah mandi dengan membasahkan bahagian kanan badan terlebih dahulu sebelum bahagian kiri. (3) Sunnah menganan ketika berhias dan memakai pakaian. Ketika memecat pakaian pula sunnah didahulukan yang di sebelah kiri. (4) Lebih elok bersembahyang di sebelah kanan imam dan di sebelah kanan masjid. (5) Sunnah juga menganan ketika makan dan minum. (6) Pada menganan terdapat isyarat dan peringatan agar kita di hari Mahsyar nanti dapat kiranya menerima surat an `amalan dengan tangan kanan dan dari sebelah kanan yang menandakan kebertuhan seseorang.